

Bil. 20

Isnin

7 November 2016



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Krisis Air di Johor** - *YB. Tuan Liew Chin Tong (Kluang) m. s. 1*
- **Isu Premis Judi Haram** - *YB. Teo Nie Ching (Kulai) m.s. 4*

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO

11. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA

28. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato' Sri Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO

9. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS

32. Yang Berhormat Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB

56. Yang Berhormat Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]

11. Yang Berhormat Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

11. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]

7. Yang Berhormat Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nurul Atikah binti Basrudin
Nor Effazimmah binti Maliki
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 7 November 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Krisis Air di Johor

2.34 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Kulai rasa selesa selepas nampak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Semua selesa, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Krisis Air di Johor. Tiada sesiapa yang boleh menafikan bahawa krisis air bakal melanda Johor. Punca utama krisis air di Johor adalah kerana kebanyakan kawasan tadahan air telah dijadikan kawasan tanaman kelapa sawit. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air diminta melakukan sesuatu sebelum krisis yang lebih besar melanda Johor. Saya rasa bukan sahaja Johorlah, Singapura juga.

Baru terdapat laporan surat khabar bahawa *Linkway Resort World, Linkway Dam, Singapore* hanya di tahap 22 peratus sahaja. Penduduk Kluang telah menghadapi catuan air selama sebulan bermula 16 Ogos 2016 sementara Mersing pula dicatu bekalan airnya melebihi setengah setahun, *it's half of year*. Sejak 2013, Kluang telah mengalami catuan air selama tiga kali manakala Mersing dua kali. Kawasan Pasir Gudang dan sekitarnya mengalami catuan air selama empat bulan pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, persoalnya sekarang, apa yang boleh kita lakukan dan sama ada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Johor mempunyai kekuatan politik atau kesungguhan politik, *political view*, untuk mengekang kebun dan ladang haram di sekitar empangan dan *facilities* air bagi menjamin dan meluaskan kawasan tadahan air. Ini saya rasa isu yang paling penting. Isu ini bukan sahaja isu dasar tetapi kesungguhan

politik. Cabaran utama ialah kebanyakan empangan di Johor adalah dikelilingi oleh ladang sawit.

Saya melawat Empangan Lebam dan Sungai Layang bersama pegawai senior SAJ pada November 2015 dan kemudian empangan Congok pada bulan Ogos untuk menyaksikan sendiri masalahnya. Saya juga memberi penjelasan peribadi kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada November 2015 tentang keadaan di Johor.

Saya pernah menjelaskan kepada Menteri sendiri, Empangan Sembrong yang menyediakan keperluan air bagi Kluang turut dikelilingi kebun-kebun serta ladang ternakan dan sawit. Kami malah melihat kuda sedang mandi-manda di Empangan Sembrong. Empangan tanpa kawasan tadahan adalah sekadar tangki air yang diisi dengan hujan sahaja. Kalau tidak ada hujan- kalau hujan tidak masuk ke kawasan empangan, maka tidak ada air. Ini masalah sekarang di Johor dan jika hujan tidak turun ataupun hujan tidak turun ke kawasan empangan, maka tidak ada air untuk kegunaan orang ramai. Demikianlah sedihnya keadaan di Johor.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada satu tulisan *Jackson Ewing* dan *Karissa Domondon* bertajuk, "*Drought, Pollution and Johor's Growing Water Needs*", diterbitkan *Institute of Southeast Asia Studies, Singapore*, pada 26 Ogos 2016. Selalunya saya tidak suka membandingkan Singapura dengan Malaysia. Akan tetapi dalam keadaan ini, perbezaan di antara pengurusan air di Singapura dan Johor dalam tempoh beberapa dekad ini adalah terlalu ketara.

Tiga perkara yang perlu diberi perhatian:

- (i) air kumbahan terawat *or NEWater* adalah 30 peratus daripada keperluan air tawar Singapura, manakala air suling pada 10 peratus;
- (ii) kawasan tadahan air di Singapura telah bertambah menjadi dua pertiga daripada permukaan bumi negara itu (dari 11 peratus pada tahun 1970); dan
- (iii) sekitar 40 peratus keperluan air Singapura adalah dari Malaysia, berbanding 80 peratus sewaktu Singapura merdeka pada tahun 1965.

Saya menyeru kementerian dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, mengemukakan piawaian untuk kawasan tadahan air dan menyenaraihitamkan empangan-empangan yang tidak mematuhi piawaian itu.

Saya cadangkan *name and shapes* supaya kerajaan-kerajaan negeri mematuhi cadangan ataupun piawaian Pusat. Kalau ada piawaian tetapi tidak dipatuhi, tidak ada guna ada piawaian. Kerajaan Persekutuan dan negeri mesti mengemukakan rancangan dan perincian garis masa untuk memindahkan kesemua ladang sawit di sekitar empangan dan mewujudkan serta meluaskan kawasan tadahan air demi memastikan kemampuan bekalan air untuk rakyat Johor dan di seluruh negara. Terima kasih.

2.39 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kluang.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat kepada Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang jelas menyatakan sumber air adalah di bawah bidang kuasa negeri. Manakala Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) hanya bertanggungjawab ke atas hal berkaitan perkhidmatan bekalan air dan pembetulan melalui penguatkuasaan Akta Industri Perkhidmatan Air [Akta 655]. Walau bagaimanapun, isunya adalah melibatkan kepentingan rakyat. Oleh kerana tanggungjawab kita bersama, maka kita mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) prihatin dengan masalah bekalan air yang melanda Johor. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kluang berkaitan penggunaan kawasan tadahan air bagi tujuan pertanian dan perladangan sawit. Malah Yang Berhormat, Menteri KeTTHA sendiri telah turun ke padang seperti Yang Berhormat Kluang, untuk meninjau kawasan tadahan air di Johor pada Disember 2015.

■1440

Beliau memaklumkan saya bahawa kawasan berhampiran dengan empangan telah diterokai untuk tujuan perladangan dan pertanian. Ini soal *legacy*, Yang Berhormat. Sebagai contoh, kualiti air mentah di Sungai Sembrong Kiri terjejas akibat pengambilan air bagi tanaman sayur, manakala tanaman berskala besar seperti pokok betik dan kelapa sawit di kawasan tadahan Empangan Lebam dan Empangan Congok telah menyebabkan kualiti sumber air mentah berkurangan. Mana mungkin empangan dapat menakung air sekiranya hutan dan pokok sudah tiada lagi. Ini adalah suatu fenomena seluruh negara. Kita akui, ya.

Dalam hal ini, KeTTHA juga telah membangkitkan keperluan pemertanian kawasan tadahan sumber air kepada Jemaah Menteri dan juga meminta Kerajaan Negeri Johor dan agensi-agensi berkaitan dapat berganding bahu dalam memastikan pencerobohan dan aktiviti pertanian tidak terkawal di kawasan tadahan dapat diminimumkan.

Tambahan pula, perubahan cuaca dunia juga turut menyumbang kepada kekurangan taburan hujan di Johor. Berdasarkan Laporan *Climate Change Scenarios for Malaysia*, dengan izin, 2001–2099 oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) melaporkan bahawa kekerapan musim kering dan panas telah meningkat sejak 1970-an di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pada bulan April, Mei, Jun, Julai, Ogos, El Nino memberi kesan yang serius tahun ini. Tidak pernah begitu lama sekali, ya Yang Berhormat. Itu sebab Singapura pun mengalami keadaan yang sama.

Antara tahun-tahun yang telah direkodkan di mana negara mengalami musim kering yang panas adalah pada tahun 1963, 1990,

1992, 1997, 1998, 2002, 2005, 2007, 2010, 2014, dan tahun ini, 2016. Ini adalah fenomena global. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bagi membantu Kerajaan Negeri Johor mengatasi masalah bekalan air ialah– masalah sudah tenat, so kita bantu cari penyelesaian. Berkonflik, cari fasal, menuding jari tidak akan membawa kita ke mana.

Langkah tersebut adalah penyaluran 50 juta liter sehari (JLH) air mentah disalurkan dari Sungai Sedili ke Empangan Lebam dengan peruntukan RM15 juta melalui fasiliti Projek Air Mentah ke *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID). Dari atas kita bawa projek itu tetapi kita salurkan balik untuk air ke sana. Projek ini telah siap pada 1 Mac 2016, berjaya menyelesaikan masalah bekalan air di Daerah Kota Tinggi, Johor dan kawasan berdekatan.

Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas juga turut menyediakan peruntukan sebanyak RM7 juta untuk menaik taraf Empangan Congok, Mersing. Okey, sana pun ada masalah. Saya dimaklumkan Mersing ada hampir dekat 70,000 orang penduduk, okey. Pelaksanaan projek ini akan meningkatkan kapasiti simpanan air mentah daripada 859 juta liter kepada 1,399 juta liter. Projek ini dijangka siap pada April 2018 dan dijangka dapat memberi faedah kepada penduduk di Daerah Mersing.

Okey, kita fokus kepada Kota Tinggi, Mersing. Akan tetapi ada masalah di tempat-tempat lain dan penyelesaian jangka panjang. Tadi jangka pendek, ya. Jangka panjang, pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah ke Iskandar Malaysia (PAMIM) dengan anggaran kos berjumlah RM660 juta dalam tiga fasa:

- (a) Fasa 1, Yang Berhormat, melibatkan kerja-kerja penyambungan paip dari Sungai Seluyut menggunakan sebahagian laluan jajaran paip PAMER ke Empangan Layang (*upper*) yang akan dilaksanakan sendiri oleh Kerajaan Negeri Johor melalui pendekatan negeri Johor mendahulukan pembiayaan sebanyak RM100 juta yang kemudiannya dikontra dengan hutang Kerajaan Negeri Johor dengan Kerajaan Persekutuan dan jangka siap pada bulan April 2017;
- (b) Fasa 2 melibatkan kerja-kerja pembinaan Empangan Sedili Besar dan jajaran paip dari Muka Sauk Mawai ke Sungai Seluyut; dan
- (c) Fasa 3, belum buat lagi ya. Fasa 1 sudah mula, Fasa 2 dan 3 belum. Ia melibatkan kerja-kerja penyambungan paip dari Empangan Layang (*upper*) ke LRA Sultan Ismail, Skudai. Kita bawa sampai ke Skudai.

Projek ini akan dapat mengatasi masalah bekalan air di kawasan Pasir Gudang dan Johor Bahru yang semakin tenat berbanding dengan Kluang. Okey, Yang Berhormat. Kemungkinan PAMIM yang sedang dijalankan Jabatan Bekalan Air, KeTTHA, okey- maaf. Fasa 2 dan 3 akan

dimulakan selepas kajian kemungkinan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA) KeTTHA yang dijangka siap pada bulan April 2017.

Selain itu Yang Berhormat, saya juga ingin memaklumkan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang merangka satu akta bagi memantapkan lagi pengurusan dan tadbir urus sumber air negara. Ini kerana banyak agensi terlibat. Bila kita sebut air, NRE terlibat, KeTTHA terlibat, kerajaan negeri terlibat, banyak sangat. Maka kita hendak wujudkan satu Akta Sumber Air Negara, ya. Akta ini dijangkakan dibentangkan di Parlimen Malaysia pada tahun 2017, tahun depanlah, sokonglah Yang Berhormat, okey.

Akhir kata, tanggungjawab ke atas kelestarian sumber air merupakan tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan negeri. Maka saya memahami penderitaan rakyat, maka kita memang merangkakan projek jangka masa panjang dan pendek dan merangkumkan kenegaraan dalam konsep itu. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam memastikan sumber air negara dapat diwarisi oleh generasi akan datang dan jangan menguar-uarkannya untuk tujuan politik. Terima kasih Yang Berhormat.

Isu Premis Judi Haram

2.47 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan Dewan Rakyat pada 21 Mac 2016 bahawa, "*PDRM telah menubuhkan Unit Pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pemantauan Standard (JIPS) PDRM bagi memastikan premis-premis yang pernah diserbu tidak kembali menjalankan semula aktiviti lesen perjudian haram itu*". Walau bagaimanapun, apa yang diperkatakan tidaklah seperti apa yang berlaku.

Berdasarkan surat maklum balas Ketua Polis Kontinjen Johor, sebanyak 12 kali serbuan telah dilakukan terhadap premis perjudian di dalam kawasan Parlimen Kulai dan tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang terlibat. Namun peliknya, terdapat lagi premis perjudian yang dilaporkan kepada pihak polis masih beroperasi sehingga sekarang. Sebagai contohnya:

- (i) *Shoplot* hadapan Pasar Awam, Kelapa Sawit Kulai;
- (ii) No. 21, Jalan Pakis, Taman Handal, Lebuhraya Senai (Bekas Zoo Saleng); dan
- (iii) No. 1, Jalan Tropika 1, Taman Tropika Kulai. Sama barisan dengan pejabat saya.

Di sini saya juga ingin menyenaraikan premis perjudian yang baru saya ketahui dan terima aduan dari orang ramai:

BIL	ALAMAT
1	Pusat Memancing, Jalan Kulai - Kota Tinggi, Lebuhraya Persekutuan.
2	<i>Silver Galaxy</i> , belakang Restoran 88 Gou Tai, Kulai.
3	Tingkat 1, dalam bangunan IOI Mall Kulai.
4	Dalam bangunan Tesco Kulai, bersebelahan KFC.
5	No. 5340, Jalan Kenari 19, Bandar Putra, Kulai.
6	No. 1A, Jalan Manis 2, Taman Manis, Kelapa Sawit Kulai.

Saya yakin, masih terdapat banyak lagi premis perjudian yang berselindung bagi mengaburi mata orang ramai. Saya juga ingin menarik perhatian berkenaan sikap lepas tangan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkuasa terhadap pengeluaran lesen premis, lesen pusat hiburan keluarga (PHK). Persoalannya, kenapa mereka masih boleh beroperasi meskipun serbuan telah dilakukan di atas premis mereka? Soalan saya:

- (i) berapa banyakkah lesen PHK yang telah diluluskan di seluruh negara dan berapa banyakkah yang telah ditamatkan dan ditarik balik kerana menjalankan kegiatan perjudian?;

■1450

- (ii) di bawah pantauan Jabatan Integriti dan Pemantauan Standard (JIPS) PDRM, berapa banyakkah premis perjudian yang telah dipantau dan disita premisnya dan apakah tindakan yang dikenakan kepada pemilik premis dan pemilik perniagaan tersebut?;
- (iii) apakah tindakan yang sedang, telah dan akan diambil oleh PDRM dan SKMM bagi mengatasi kegiatan perjudian *online* yang menjadi alternatif kegiatan perjudian ini ketika premis mereka disita atau ditutup?;
- (iv) bilakah kokus yang terdiri daripada pihak kerajaan dan pembangkang akan ditubuhkan bagi membincangkan tindakan progresif untuk menangani masalah perjudian ini?;
- (v) ada tidak anggota pihak polis yang terlibat dengan kegiatan tersebut sehingga pemilik-pemilik perjudian ini berani bertindak membuka semula premis perjudian mereka? Apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang terlibat?

Sekian sahaja. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang ataupun sentiasa memantau dan mengambil tindakan yang berterusan untuk menangani masalah perjudian haram dalam negara.

Di samping melaksanakan 'Operasi Dadu' terhadap premis perjudian, pihak polis juga memantau modus operandi baru yang sentiasa berubah yang digunakan oleh sindiket perjudian haram *online* ini yang digunakan untuk mencari pelanggan baharu dengan cara mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook*, *WeChat*, *WhatsApp*, melalui *short message service* (SMS) dan juga melalui laman-laman *website* dalam internet. Maknanya dia main judi atas *website* tersebut tetapi bukan di tempat yang di mana polis sedang memantau, ya.

Jadi kaedah yang digunakan adalah dengan menghantar SMS secara rambang kepada pemilik nombor telefon untuk melayari *website* tertentu yang dibuat secara "*hyperlink*" dalam internet. Kebanyakan *website* ini mempamerkan wajah-wajah wanita cantik, berpakaian seksi dan juga menawarkan bonus berganda bagi menarik minat orang awam untuk berjudi. Jadi ini juga melambangkan bahawa banyak orang lelaki yang berjudi ini.

Bagi menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan jumlah lesen yang dikeluarkan, yang dibatalkan dan jumlah yang ditarik balik bagi pusat hiburan keluarga (PHK) di seluruh negara, ianya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan juga lesen dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Jadi Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai maklumat mengenai lesen-lesen PHK ataupun pusat *cyber cafe* ini.

Berkaitan persoalan mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri dalam Dewan Rakyat pada 21 Mac 2016 bahawa, "*PDRM telah menubuhkan Unit Pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pemantauan Standard (JIPS), PDRM bagi memastikan premis-premis yang pernah diserbu tidak akan kembali menjalankan semula aktiviti lesen perjudian haram itu*".

Jadi, bagi tahun 2016 sehingga Oktober, sebanyak 44 serbuan telah berjaya telah dibuat oleh pihak JIPS ini di seluruh negara. Hasil daripada serbuan tersebut, seramai 229 orang pemain dan penjaga juga telah ditangkap. Sebanyak 896 buah komputer dan lima buah simulator yang digunakan untuk tujuan perjudian telah dirampas.

Selain tindakan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (*Common Gaming Houses Act*), pihak polis juga mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 2013 (POCA) dan juga di bawah Akta

Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2014. Bagi tahun 2014 seramai 14 orang, tahun 2015 seramai 57 orang dan tahun 2016 seramai 37 orang telah diambil tindakan di bawah akta berkenaan. Saya ingin memaklumkan juga bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri sekarang ini sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menggubal sebuah Akta Perjudian *Online*.

Saya hendak maklumkan di sini bahawa Akta Rumah Judi Terbuka 1953 ini di bawah kawal selia Kementerian Kewangan dan bukan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Dalam Negeri hanya menjalankan penguatkuasaan sahaja terhadap aktiviti jenayah perjudian ini. Jadi untuk mengatasi masalah *online* ini, ia mengambil kira banyak faktor, bukan sahaja perjudian berlaku di tempat tersebut tetapi perjudian ini juga berlaku dalam internet dan sebagainya dan banyak kaedah yang digunakan oleh sindiket ini untuk mengelakkan daripada pihak polis dapat menangkap mereka dan mendakwa mereka di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 ini.

Jadi, pihak polis juga telah menjalankan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat telekomunikasi (telco) untuk menyekat laman-laman web dan nombor-nombor telefon yang dikenalpasti menganjurkan aktiviti perjudian. Sehingga kini, sebanyak 664 laman-laman web dan nombor telefon yang berunsurkan perjudian telah disekat.

Berhubung dengan cadangan untuk mengadakan kokus atau *task force* di peringkat Parlimen, KDN sedang mengkaji mekanisme bagi mewujudkan kokus tersebut serta dalam proses mengumpulkan maklumat untuk dijadikan terma rujukan (*terms of reference*) sekiranya kokus tersebut dilaksanakan kelak. Kementerian memandang positif cadangan ini kerana ia melibatkan penyertaan daripada semua pihak yang merentasi ideologi politik, agama dan budaya bagi mencari jalan untuk mengatasi kemelut yang dihadapi oleh masyarakat. Saya hendak maklumkan di sini juga, walaupun KDN akan mencadangkan untuk mengadakan kokus ini tetapi ia melibatkan juga Kementerian Kewangan, ya dan juga Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang bertanggungjawab sebagai penyelia juga kepada mengatasi masalah judi *online* ini.

Dalam isu kebocoran maklumat dan penglibatan “orang dalam” berkenaan dengan premis perjudian, ini adalah barah yang boleh merosakkan seluruh organisasi jika tidak dibendung. Justeru itu, bagi menangani masalah ini di peringkat PDRM, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) telah dilibatkan sebagai *second layer* untuk memastikan operasi dapat dijalankan mengikut prosedur dan tiada kebocoran maklumat berlaku.

PDRM juga telah mengadakan pusingan kerja dari semasa ke semasa terhadap anggota yang bertugas dalam tugas-tugas operasi dan tidak dilakukan oleh orang yang sama sepanjang masa. Tindakan yang tegas juga akan diambil terhadap anggota yang menjadi tali barut kepada mana-mana pihak antaranya didakwa di mahkamah atau dikenakan tindakan tatatertib sehingga mereka boleh dibuang kerja.

Jadi, statistik bagi 'Operasi Dadu' di Daerah Kulai bagi tahun 2016 (sehingga bulan Oktober) adalah sebanyak 89 serbuan yang telah dibuat terhadap premis perjudian dan pusat hiburan keluarga (PHK) di mana 385 pemain dan penganjur telah ditangkap, 854 mesin dan komputer telah disita, sejumlah RM21,678 wang tunai telah dirampas. Empat pusat hiburan keluarga (PHK) telah diambil tindakan dengan memotong bekalan elektrik.

Jadi pihak polis juga telah membuat serbuan terhadap premis perjudian yang telah disenaraikan oleh Yang Berhormat sejak bulan Mei 2016 dan akan terus membuat pemantauan terhadap premis berkenaan.

Tindakan IPD Kulai terhadap premis pusat hiburan keluarga (PHK) Tahun 2016, di Daerah Kulai. Jadi- hendak sebutkah? Panjang ini [*Ketawa*] Tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Pusat Memancing Jalan Kulai–Kota Tinggi di Lebuhraya Persekutuan, sebanyak lima serbuan telah dibuat sejak bulan Mei sehingga bulan September 2016. Di tempat itu sendiri telah ditangkap seramai 14 orang, dirampas 39 buah mesin, tetapi wang tunainya hanya RM870 sahaja yang dirampas. Penjaga premis telah dituduh di bawah seksyen 6, dituduh dan diambil tindakan undang-undang secara persendirian.

■1500

Jadi ini masalah yang dihadapi sekarang ini kerana mereka lebih celik dan juga lebih cepat mengambil tindakan, ya. Sebab itu kalau kita buat serbuan pun kita menghadapi masalah untuk mendapatkan pendakwaan yang berkesan yang akhirnya wang itu sendiri kerana mereka menggunakan taktik untuk melupuskan wang yang dalam simpanan penjaga di pusat hiburan ini dengan cepat supaya wang tersebut tidak dapat dirampas oleh pihak polis;

- (ii) di *Silver Galaxy*, belakang Restoran 88 Gou Tai, Kulai. Sebanyak satu serbuan telah dibuat, tujuh orang ditangkap, 10 mesin dirampas dan wang RM450 telah dirampas. Penjaga premis tersebut telah dituduh di bawah seksyen yang berkenaan;
- (iii) Tingkat 1, dalam bangunan IOI Mall Kulai. Pemantauan sedang dibuat tetapi tiada sebarang aktiviti sekarang ini. Jadi ini pun kadang-kadang menjadi masalah kepada polis kerana apabila aduan dibuat, mungkin tidak berlaku perjudian *online* di dalam premis tersebut ya tetapi kita sentiasa memantau. Bila laporan dibuat, kita memantau

supaya kadang-kadang sindiket ini pun dia licik untuk hendak menyembunyikan aktiviti mereka;

- (iv) dalam bangunan Tesco Kulai, bersebelahan dengan KFC, sama juga. Pemantauan dibuat, didapati premis tersebut menjalankan perniagaan kedai pakaian. Jadi saya minta Yang Berhormat kalau boleh Yang Berhormat periksa dahulu apa-apa aduan yang dibuat supaya ia tidak membebankan pihak polis sebab kadang-kadang pihak polis banyak tempat untuk disiasat;
- (v) No. 5340, Jalan Kenari 19, Bandar Putra, Kulai, sebanyak dua serbuan dibuat. Pertama, bulan Januari dan kedua bulan Mei, ya. Lapan orang ditangkap, 10 mesin dirampas dan wang yang dirampas adalah sejumlah RM640 sahaja. Penjaga premis tersebut telah dituduh di bawah undang-undang yang berkenaan, ya; dan
- (vi) No. 1A, Jalan Manis 2, Taman Manis, Kelapa Sawit, Kulai. Pemantauan sedang dibuat dan tiada bukti sebarang aktiviti judi *online* berlaku sekarang kerana kedai itu kosong ya.

Itu sahajalah Yang Berhormat. Apa yang pentingnya kita bekerjasama. Saya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri pun ingin-memandangkan kita sama dari negeri Johor, ya, saya rela hati untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat untuk membuat apa-apa tindakan secara langsung sekiranya Yang Berhormat mendapati bahawa aktiviti perjudian *online* ini masih lagi berlaku dengan berleluasa di Kulai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 8 November 2016.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.04 petang]